



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KESUNGGUHAN PETANI PROJEK BARAT LAUT SELANGOR
TERHADAP PELABURAN DALAM ASN/ASB**

ADNAN BIN HJ. MD. IKSHAN

FPP L 1992 2

**KESUNGGUHAN PETANI PROJEK BARAT LAUT SELANGOR
TERHADAP PELABURAN DALAM ASN/ASB**

ADNAN BIN HJ. MD. IKSHAN

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
1992**



**KESUNGGUHAN PETANI PROJEK BARAT LAUT SELANGOR
TERHADAP PELABURAN DALAM ASN/ASB**

OLEH

ADNAN BIN HJ. MD. IKSHAN

**Tesis Yang Dikemukakan Untuk Memenuhi
Sebahagian Daripada Syarat Bagi Mendapatkan Ijazah
Master Sains Di Pusat Pengembangan Dan
Pendidikan Lanjutan
Universiti Pertanian Malaysia**

Julai 1992



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan izin Allah juga membolehkan kajian ini dapat disempurnakan. Dalam usaha menyediakan kajian ini, saya rasa terhutang budi terutamanya kepada ketiga-tiga orang penyelia saya: Profesor Madya Dr. Rahim Md. Sail, Profesor Dr. Alang Perang Zainuddin dan Encik Ahmad Fuad Muhammad yang sentiasa gigih dan tidak jemu-jemu memberikan bimbingan, dorongan dan nasihat. Ucapan terima kasih juga saya hulurkan kepada pensyarah-pensyarah di Pusat ini yang tidak keberatan untuk memberikan panduan dan pandangan kepada saya sepanjang penyediaan tesis ini.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Amanah Saham Nasional Berhad terutamanya kepada Pegawai Kanannya, En. Wahab Hj Samsuri dan En. Mohd. Rozi Long yang banyak membantu saya dalam mendapatkan maklumat dan bahan kajian. Kepada pihak pengurusan Projek Barat Laut Selangor pula, sudah tentu jasa Puan Zabedah bt Awang dan Encik Ajis bin Mohamad akan tetap diabadikan atas kegigihan mereka membekalkan saya dengan segala kemudahan dan maklumat kajian khususnya ketika proses pengumpulan data dijalankan. Terima kasih juga kepada Puan Khiriyah binti Ahmad dan rakan-rakannya yang turut membantu menyediakan tesis ini mengikut format yang dikehendaki.

Kepada Kerajaan Malaysia amnya dan Jabatan Perkhidmatan Awam khususnya saya merakamkan ucapan terima kasih kerana memberikan peluang dan kemudahan untuk membolehkan saya mengikuti program ijazah lanjutan ini.

Akhirnya, penghargaan saya rakamkan untuk isteri, Aslinah bt Mohd. Arifin dan anak saya Muhammad Afeeq atas sikap perihatin dan sabar dan dorongan moral serta pengorbanan mereka selama ini.



Terima kasih daun keladi kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau secara tidak langsung dalam proses penyelidikan ini dan sebagai tanda penghargaan hayatilah maksud pantun ini;

Jauh sungguh pergi mandi,
Maksud hati hendak bertapa;
Berat sungguh menanggung budi,
Seribu tahun memang tak lama.



KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGHARGAAN	iii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT	xvii
BAB	
I PENGENALAN	
Dasar Ekonomi Baru	1
Peranan Permodalan Nasional Berhad dan Amanah Saham Nasional Berhad	2
Peranan Amanah Saham Nasional Berhad Terhadap Masyarakat Luar Bandar	5
Program Pembangunan Luar Bandar dan Penyertaan Petani dalam Skim Amanah Saham Nasional/Amanah Saham Bumiputera	6
Pernyataan Masalah	8
Objektif Kajian	10
Kepentingan Kajian	11
Batasan Kajian	12
II SOROTAN LITERATUR	
Penabungan dan Kesungguhan	14
Perubahan, Penerimaanguna dan Penabungan	16

BAB	Muka Surat
Proses Membuat Keputusan dan Penabungan	20
Kemiskinan dan Penabungan	22
Sikap dan Kesungguhan	26
Pengetahuan dan Kesungguhan	28
Kemudahan Melabur dan Kesungguhan	29
Perhubungan dan Kesungguhan	30
Faktor Ekonomi dan Kesungguhan	32
Faktor Demografi dan Kesungguhan	32
Rangka Konsep Kajian	34
III METODOLOGI KAJIAN	
Sumber Data	37
Pemilihan Responden	40
Pembentukan Instrumen Kajian	47
Angkubah Sandar	47
Angkubah Bebas	49
Pra-uji Soalselidik	55
Ujian Kebolehpercayaan	56
Pengumpulan Data	57
Analisis Data	58
IV PENEMUAN DAN PERBINCANGAN HASIL KAJIAN	
Ciri-ciri Demografi	62
Tahap Pengetahuan, Perhubungan, Kekangan untuk Melabur dan Sikap	73
Ciri-ciri Pelaburan	86



BAB	Muka Surat
Perkaitan antara Kesungguhan dengan Beberapa Angkubah Bebas	92
Perbandingan antara Penanam Padi dengan Petani Tanaman Kekal melalui Ujian-t	94
Perbincangan Umum	96
Faktor Demografi	96
Faktor Pengetahuan	102
Perhubungan dengan Pegawai Pengembangan	103
Faktor Sikap	105
Kekangan untuk Melabur	107
Hasil Kajian dan Konsep-konsep Umum	108
V RINGKASAN, RUMUSAN DAN IMPLIKASI KAJIAN	
Ringkasan	111
Skop	111
Pernyataan Masalah	111
Objektif	112
Metodologi	113
Penemuan Utama	114
Rumusan	117
Implikasi	118
Implikasi Terhadap Bidang Kajian	119
Perakuan-Perakuan kepada Pihak Amanah Saham Nasional Berhad	120
Penutup	123
BIBLIOGRAFI	125



LAMPIRAN	Muka Surat
A Jadual Tambahan.....	132
B Ahli-ahli Panel Penyemak Kandungan Kesahihan Soalselidik	133
C Surat Kepada Responden	135
D Borang Soalselidik.....	136
VITA	150



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Pembahagian Kawasan Projek Barat Laut Selangor Mengikut Blok	42
2	Pembahagian Awal Responden Mengikut Blok.....	43
3	Pembahagian Responden yang Melabur Mengikut Blok	45
4	Pembahagian Akhir Responden	46
5	Operasionalisasi Angkubah Kesungguhan	47
6	Taburan Responden Mengikut Keturunan	63
7	Taburan Responden Mengikut Peringkat Pendidikan	64
8	Taburan Responden Mengikut Umur	65
9	Taburan Responden Mengikut Tanggungan.....	66
10	Taburan Responden Mengikut Pemilikan Tanah	67
11	Taburan Responden Mengikut Nilai Pendapatan Bulanan	70
12	Taburan Responden Mengikut Nilai Perbelanjaan Bulanan	71
13	Taburan Responden Mengikut Nilai Tabungan Bulanan	73
14	Taburan Responden Mengikut Markah Pengetahuan	75
15	Taburan Responden Mengikut Bilangan Pegawai Pengembangan yang Dihubungi	76
16	Taburan Responden Mengikut Perhubungan dengan Kategori Pegawai Pengembangan	77
17	Taburan Responden Mengikut Kesan Perhubungan dengan Pegawai Pengembangan	78



Jadual	Muka Surat
18 Taburan Responden Mengikut Markah bagi Setiap Jenis Kekangan	80
19 Taburan Responden Mengikut Tahap bagi Keseluruhan Kekangan	81
20 Taburan Responden Mengikut Tahap Sikap Terhadap Penabungan, ASN/ASB dan Pelaburan	82
21 Taburan Responden Mengikut Tahap Sikap Terhadap Pelaburan	84
22 Taburan Responden Mengikut Tempoh Pelaburan	85
23 Taburan Responden Mengikut Nilai Pelaburan Pada 1983, 1986, 1989 dan 1990	86
24 Taburan Responden Mengikut Nilai Pelaburan Pada 1990	88
25 Taburan Responden Mengikut Tahap Kesungguhan Pada 1983, 1986, 1989 dan 1990	89
26 Taburan Responden Mengikut Jenis Tanaman dan Tahap Kesungguhan Pada 1990	90
27 Taburan Responden Mengikut Matlamat Melabur	91
28 Taburan Responden Mengikut Sebab-sebab Menambah/Tidak Menambah Pelaburan	92
29 Perkaitan antara Kesungguhan dengan Beberapa Angkubah Bebas Menggunakan Kaedah Ujian Koefisien Korelasi	93
30 Perbandingan Beberapa Angkubah antara Penanam Padi dengan Petani Tanaman Kekal menggunakan Ujian-t	95
31 Purata Nilai Pelaburan Mengikut Kategori Pelabur pada 31 Disember, 1990.....	132



Jadual		Muka Surat
32	Senarai Nama Syarikat Pelaburan Modal Amanah Saham Nasional pada 31 Disember, 1990	133
33	Perolehan Dividen dan Bonus bagi Skim Amanah Saham Nasional 1981-1990	135
34	Senarai Nama Syarikat Pelaburan Modal Amanah Saham Bumiputera Pada 31 Disember, 1990	136



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Rangka Konsep Kajian	36
2	Peta Kawasan Projek Barat Laut Selangor	38
3	Proses Pemilihan Responden Kajian	47



SENARAI SINGKATAN

ASB	: Skim Amanah Saham Bumiputera
ASN	: Skim Amanah Saham Nasional
ASNB	: Amanah Saham Nasional Berhad
BBMB	: Bank Bumiputera Malaysia Berhad
BIMB	: Bank Islam Malaysia Berhad
BPM	: Bank Pertanian Malaysia
BSN	: Bank Simpanan Nasional
DEB	: Dasar Ekonomi Baru
FELDA	: Federal Land Development Authority (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan)
IADP	: Integrated Agriculture Development Project (Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu)
ITM	: Institut Teknologi MARA
JKKK	: Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
KEMAS	: Jabatan Kemajuan Masyarakat
LPN	: Lembaga Padi dan Beras Negara
LPP	: Lembaga Pertubuhan Peladang
LUTH	: Lembaga Urusan dan Tabung Haji
MARA	: Majlis Amanah Rakyat
PERNAS	: Perbadanan Nasional Berhad
PKEN	: Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri
PPK	: Pertubuhan Peladang Kawasan
PNB	: Permodalan Nasional Berhad
RMK	: Rancangan Malaysia Kedua, 1971-1975
RML	: Rancangan Malaysia Kelima, 1985 - 1990



SPSS : Pakej Statistik untuk Sains Sosial
(Statistical Package for the Social Science)

S. Piawai : Sisihan Piawai

SUK : Setiausaha Kerajaan Negeri

YPB : Yayasan Pelaburan Bumiputera

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Pertanian Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk mendapatkan ijazah Master Sains.

KESUNGGUHAN PETANI PROJEK BARAT LAUT SELANGOR TERHADAP PELABURAN DALAM ASN/ASB

Oleh

ADNAN BIN HJ MD. IKHSAN

Julai 1992

Pengerusi : Prof. Madya Rahim Md Sail, Ph.D.

Fakulti : Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan

Kajian ini bertujuan untuk menentukan faktor-faktor yang berkaitan dengan kesungguhan petani di kawasan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Barat Laut Selangor dalam pelaburan Amanah Saham Nasional/Amanah Saham Bumiputera (ASN/ASB). Objektif khususnya pula ialah untuk mengetahui gelagat pelaburan responden dalam ASN/ASB, menentukan tahap pengetahuan, perhubungan dengan pegawai pengembangan, kekangan untuk melabur dan sikap responden terhadap pelaburan, mengukur perkaitan beberapa angkubah terpilih dengan kesungguhan terhadap ASN/ASB serta mengenalpasti perbezaan gelagat pelaburan antara penanam padi dengan petani tanaman kekal dalam beberapa aspek.

Sampel kajian ini adalah terdiri daripada 158 orang petani yang melabur dalam ASN/ASB. Mereka dipilih secara rambang daripada empat

buah blok di kawasan Projek Barat Laut Selangor yang mengusahakan tanaman padi dan tanaman kekal.

Data yang diperolehi menerusi temubual dan komputer di Ibu Pejabat Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) telah dianalisis menggunakan program kecil Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) bagi mendapatkan maklumat mengenai ukuran kecenderungan pusat (seperti kekerapan, purata, peratusan, sisihan piawai), nilai korelasi Pearson (Pearson r) dan ujian-t.

Pada keseluruhannya hasil kajian ini menunjukkan bahawa tahap kesungguhan responden terhadap pelaburan ASN/ASB adalah rendah. Fenomena ini adalah disebabkan tahap kefahaman yang rendah (berikutan dengan tahap pengetahuan dan tahap perhubungan yang rendah), kesulitan dalam menambah pelaburan, sikap responden yang tidak begitu cenderung terhadap ASN/ASB dan pendapatan yang agak rendah. Angkubah-angkubah pendapatan dan pengetahuan didapati mempunyai perkaitan positif yang signifikan dengan kesungguhan. Angkubah-angkubah lainnya iaitu sikap, perhubungan, masalah, umur, tanggungan dan keluasan tanah juga didapati mempunyai perkaitan tetapi tidak signifikan.

Kajian ini juga mendapati bahawa majoriti responden telah melabur sejak awal tahun 1980-an dengan tujuan untuk keperluan masa depan. Walau bagaimanapun nilai purata pelaburan mereka adalah sangat rendah.

Hasil kajian ini juga mendapati bahawa terdapat beberapa perbezaan yang ketara dalam beberapa aspek antara responden dari kawasan tanaman padi dengan responden dari kawasan tanaman kekal. Antaranya ialah pendapatan dan nilai tabungan penanam padi adalah lebih tinggi daripada petani tanaman kekal. Sebaliknya pula tahap perhubungan dengan pegawai pengembangan dan tahap

pengetahuan mengenai ASN/ASB bagi responden tanaman kekal adalah lebih tinggi daripada responden tanaman padi. Responden tanaman kekal juga didapati menghadapi kekangan untuk melabur yang lebih serius berbanding dengan petani tanaman padi.

Berdasarkan keputusan kajian ini, sebanyak sebelas perakuan telah dikemukakan kepada pihak ASNB untuk meningkatkan kesedaran dan kesungguhan petani terhadap ASN/ASB. Cadangan-cadangan juga diberikan untuk menambahkan lagi kajian-kajian dan penemuan-penemuan lain.

Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Pertanian Malaysia in partial fulfilment of the requirements for the degree of Master of Science.

**DETERMINATION OF FARMERS
IN THE NORTHWEST SELANGOR PROJECT (IADP)
TOWARDS INVESTMENT IN ASN/ASB**

By

Adnan bin Hj Md Ikshan

July 1992

Chairman : Assoc. Prof. Rahim Md Sail, Ph.D.

Faculty : Centre for Extension and Continuing Education

The purpose of this study was to determine factors associated with the determination towards investment in ASN/ASB among farmers in the Northwest Selangor Integrated Agricultural Development Project. The specific objectives were to identify investment behaviour among respondents towards Amanah Saham Nasional/Amanah Saham Bumiputera (ASN/ASB); to determine the level of knowledge, interaction with extension agents, problems regarding investment and respondents' attitude towards investment; to measure the relationships between selected variables with farmers' determination towards ASN/ASB and to identify the differences about investment behaviour between paddy farmers with coconut/oil palm/cocoa farmers in various aspects.

The sample of the study consisted 158 respondents who were randomly chosen among 19,500 paddy farmers and coconut/oil palm/cocoa farmers, who invested in ASN/ASB.



The data collected through personal interviews and from Amanah Saham Nasional Berhad Head Office (ASNB) were analysed using the Statistical Package for Social Sciences sub-programmes to obtain the central tendency measurements like frequencies, means, percentage and standard deviations, Pearson correlations (Pearson r) and t-tests.

The study revealed that the level of determination among the farmers towards investment in ASN/ASB were generally low. These phenomena were related to the lack of understanding (due to low level of knowledge and interactions), difficulties to increase the investment, unfavourable attitudes and low level of income. Income and knowledge variables had significant relationship with determination to invest in ASN/ASB. Other variables such as attitude, communication, constraints to invest, dependents, age and size of land had very weak non-significant correlation.

Other findings revealed that the majority of the respondents had invested since early 1980's for their future use and that the average amount of the investment was very low.

The study also identified several significant differences between paddy farmers and coconut/oil palm/cocoa farmers. The income and the amount of possible savings for paddy farmers were higher than coconut/oil palm/cocoa farmers. On the other hand, the level of interaction of coconut/oil palm/cocoa farmers with the extension agents were higher than that of the paddy farmers. The coconut/oil palm/cocoa farmers faced more serious problems with regard to the facilities for investment compared to the paddy farmers.

Finally, from the findings of the study, eleven recommendations were forwarded to ASNB to improve and enhance farmers' determination towards ASN/ASB.

It was also recommended that detailed studies related to farmers' determination towards investments be carried out.



BAB I

PENGENALAN

Sejak mencapai kemerdekaan lebih 30 tahun yang lalu, orang Melayu didapati masih belum banyak menerima perubahan khususnya dari segi ekonomi, jika dibandingkan dengan kaum lain. Oleh sebab itu kerajaan telah memperkenalkan berbagai pendekatan pembangunan melalui dasar-dasar yang dibentuk dan penubuhan institusi-institusi tertentu bagi membantu dan menyediakan peluang kepada orang Melayu untuk turut serta dalam membangunkan ekonomi negara seperti melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Dasar Ekonomi Baru

Dasar Ekonomi Baru telah diisytiharkan oleh kerajaan pada 1970. Matlamat utamanya ialah untuk membentuk perpaduan negara melalui strategi-strategi pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi (Malaysia, 1971). Antara fenomena yang wujud ketika dasar ini digubal ialah penguasaan harta yang tidak seimbang antara orang asing dan rakyat Malaysia dalam pemilikan saham dan syarikat-syarikat berhad. Dalam hal ini orang asing memiliki 61 peratus dan rakyat Malaysia hanya 39 peratus ekuiti. Daripada 39 peratus itu pula, orang Melayu memiliki 1.9 peratus ekuiti sahaja.

Disebabkan kaum Bumiputera hanya memiliki sebahagian kecil daripada harta dalam ekonomi Malaysia, melalui DEB kerajaan berhasrat untuk meningkatkan taraf penyertaan Bumiputera kepada sekurang-kurangnya 30 peratus pada tahun 1990. Rakyat Malaysia yang lain boleh memiliki 40 peratus dan kaum asing 30 peratus.



Berikutan dengan itu berbagai peluang pelaburan telah disediakan oleh kerajaan untuk kaum Bumiputera melalui berbagai strategi. Antaranya ialah menubuhkan agensi-agensi amanah seperti Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB). Melalui agensi-agensi ini, modal dan kepentingan Bumiputera akan diurus dan diawasi ke arah pencapaian matlamat di atas.

Peranan Permodalan Nasional Berhad dan Amanah Saham Nasional Berhad

Yayasan Pelaburan Bumiputera (YPB) yang ditubuhkan pada 1978 di bawah Akta Syarikat 1965 adalah merupakan sebuah syarikat yang dijamin oleh Kerajaan. Ia bertujuan untuk menyediakan tabungan bagi membeli saham-saham syarikat yang ingin menerbitkan saham-saham kepada masyarakat Bumiputera. Yayasan Pelaburan Bumiputera juga bertanggungjawab bagi memastikan bahawa saham-saham tersebut dikekalkan oleh masyarakat Bumiputera. Agensi yang diberi tanggungjawab melaksanakan dasar tersebut ialah Permodalan Nasional Berhad (PNB). Ia ditubuhkan pada tahun 1978 sebagai syarikat berdaftar di bawah pemilikan YPB.

Objektif PNB ialah untuk memperolehi pelaburan melalui pinjaman atau sumber-sumber lain. Fungsi utamanya ialah menilai, memilih dan melabur dalam saham syarikat-syarikat berhad yang berpotensi (Permodalan Nasional Berhad, 1989). Saham-saham ini dipegang secara amanah untuk dijual kepada satu tabung amanah saham. Unit-unit dari tabung ini dijual kepada individu Bumiputera.

Peranan untuk memasarkan saham-saham amanah kepada Bumiputera perseorangan pula dijalankan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB).

Ia diperbadankan pada 22 Mei, 1979 dan bertaraf sebagai anak syarikat kepada PNB. Amanah Saham Nasional Berhad mula beroperasi sepenuhnya pada 20 April, 1981 iaitu apabila Skim Amanah Saham Nasional (ASN) dilancarkan dan diikuti dengan Skim Amanah Saham Bumiputera (ASB) yang mula diperkenalkan pada 10 November, 1989.

Sejak dilancarkan, ASNB telah melaksanakan beberapa strategi untuk meningkatkan perkhidmatannya kepada para pelabur. Antaranya ialah menyediakan kemudahan melabur melalui pemotongan gaji bulanan dan mel terus, menggiatkan jentera pelaburan melalui lebih 1,200 buah agen, mendidik masyarakat Bumiputera mengenai pelaburan dalam sektor korporat khususnya ASN/ASB dan mengadakan kempen dan lawatan.

Dalam tempoh tiga bulan pertama sejak ASN dilancarkan, seramai 600,000 Bumiputera telah melabur dengan nilai \$250.0 juta. Sehingga 31 Disember, 1990, seramai 2.467 juta Bumiputera melabur dalam ASN/ASB dan mereka adalah terdiri daripada berbagai lapisan masyarakat. Modal yang terkumpul sehingga tarikh itu ialah sebanyak \$8.504 ribu juta (Amanah Saham Nasional Berhad, 1990). Pecahan nilai pelaburan mengikut kategori pelabur ditunjukkan di Lampiran A - Jadual 31.

Amanah Saham Nasional Berhad membeli saham-saham syarikat dalam berbagai sektor. Sehingga 31 Disember, 1990, pembahagian pelaburan mengikut sektor ialah perindustrian (34.63 peratus), kewangan (27.69 peratus) perladangan (27.34 peratus), harta benda (8.17 peratus) dan kewangan (27.69 peratus). Pelaburan ini melibatkan 67 buah syarikat seperti yang dipamerkan di Lampiran A - Jadual 32. Pelaburan dalam berbagai sektor tersebut memberikan pulangan dividen dan bonus kepada para pelabur yang berubah-ubah setiap tahun iaitu antara 12.5 peratus hingga 20.0 peratus setahun (sila rujuk Lampiran A - Jadual 33).

Di samping itu pula ASB yang memulakan operasi sepenuhnya mulai tahun 1990 juga melaburkan modalnya dalam berbagai sektor. Pada 31 Disember, 1990, ASB membuat pelaburan dalam sektor perindustrian (63.05 peratus), kewangan (22.78 peratus), perladangan (9.67 peratus), perlombongan (3.63 peratus) dan harta benda (0.87 peratus). Senarai lengkap mengenainya seperti di Lampiran A - Jadual 34. Nilai pelaburan tersebut ialah \$623.8 juta, dan pertama kalinya pada akhir 1990 dividen dan bonus ASB dikeluarkan iaitu sebanyak lapan peratus.

Pada masa ini nilai pelaburan ASN/ASB menyumbang sebanyak 40.6 peratus daripada jumlah pemilikan Bumiputera dalam sektor korporat. Namun demikian ia hanya merupakan 7.9 peratus daripada jumlah pemilikan dalam sektor korporat keseluruhannya (Permodalan Nasional Berhad, 1989). Jumlah pegangan keseluruhan Bumiputera dalam sektor korporat ialah 20.3 peratus iaitu bernilai \$22,298.0 juta dengan pertumbuhan sebanyak 29.6 peratus setahun. Jumlah ini adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan modal kaum Bumiputera pada 1970 iaitu \$125.6 juta sahaja. Walau bagaimanapun pencapaian ini adalah jauh lebih rendah daripada matlamat asal DEB iaitu sebanyak 30.0 peratus (Malaysia, 1991).

Pertumbuhan hak milik modal saham Bumiputera sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh pemilikan agensi-agensi amanah dan institusi-institusi lain yang berkaitan. Tahap pemilikan sebenar Bumiputera sebagai pelabur individu hanyalah kira-kira 8.2 peratus menjelang 1990 (Malaysia, 1991).

Peranan Amanah Saham Nasional Berhad Terhadap Masyarakat Luar Bandar

Kajian yang dijalankan oleh ASNB mendapati bahawa di peringkat awal pelancaran ASN, kadar penyertaan yang paling ramai adalah dari kalangan